

19 MAY 1996

Anwar-Yong

ANWAR HUBUNGI PM BERHUBUNG PERLANTIKAN YONG SEBAGAI KETUA MENTERI

KUALA LUMPUR, 19 Mei (Bernama) -- Datuk Seri Anwar Ibrahim hari ini berkata beliau telah menghubungi Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Tokyo semalam untuk memaklumkan perlantikan Datuk Yong Teck Lee sebagai Ketua Menteri Sabah yang baru belum dapat dilaksanakan kerana beberapa perkara perlu dibincangkan.

"Saya telah menghubungi Perdana Menteri sebelum beliau berlepas ke Amerika Syarikat bahawa ada beberapa perkara yang perlu dibincangkan," katanya kepada pemberita selepas menghadiri majlis sambutan Maal Hijrah di Stadium Negara di sini.

Anwar yang juga Timbalan Perdana Menteri berkata, beliau akan memanggil Yong minggu depan bagi membincangkan persoalan-persoalan tersebut.

Dr Mahathir, ketika mengulas hukuman denda RM1,000 ke atas Yong oleh Mahkamah Majistret Kota Kinabalu Rabu lepas, berkata dengan keputusan itu Yong tidak hilang kelayakan sebagai anggota Dewan Undangan Negeri Sabah dan kini boleh dilantik sebagai Ketua Menteri .

Perdana Menteri berkata beliau telah meninggalkan arahan kepada Anwar supaya meneruskan perlantikan Yong jika beliau sudah terlepas daripada segala halangan undang-undang.

Yong dan empat orang lagi didenda RM1,000 oleh Mahkamah tersebut selepas mengaku bersalah menyertai perhimpunan haram ketika pilihan raya 1990. Mengikut perlembagaan Persekutuan dan Sabah, seseorang anggota Dewan Undangan Negeri atau Parlimen boleh dilucutkan jawatan sekiranya didenda RM2,000 atau lebih.

Anwar pada Khamis lepas berkata perlantikan Yong sebagai Ketua Menteri belum dapat dilakukan sekarang kerana "beberapa perkara yang belum selesai" dan akan menemui Yong bagi membincangkan perkara tersebut dan kemudiannya merujuk kepada Perdana Menteri.

Dr Mahathir yang menamatkan lawatan enam hari ke Jepun semalam berlepas ke San Francisco untuk meneruskan lawatan tiga hari. Beliau dijadual pulang ke tanah air Jumaat ini selepas singgah di London untuk lawatan tiga hari.

Yong, presiden Parti Maju Sabah (SAPP) akan menggantikan Datuk Mohamed Salleh Keruak, mengikut sistem penggiliran jawatan Ketua Menteri Sabah seperti dijanjikan oleh Barisan Nasional (BN) sebelum pilihan raya negeri pada 1994.

--BERNAMA

MAM PR